

BANK ISLAM LANCAR PROGRAM PEMBIAYAAN MIKRO ITEKAD

Bakal memanfaatkan 100 perusahaan mikro dengan peruntukan pembiayaan dan zakat berjumlah RM5.3 juta

KUALA LUMPUR, Khamis, [14 Mei 2020]: Bank Islam Malaysia Berhad ("Bank Islam") hari ini melancarkan program pembiayaan mikro iTEKAD, satu inisiatif kewangan sosial yang bertujuan untuk menyokong penjana pendapatan mampan dan pengukuhan kewangan perusahaan mikro milik usahawan asnaf dan B40 dalam landskap semasa yang mencabar.

Pengenalan program ini adalah susulan pengumuman Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat oleh YAB Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin pada 27 Mac 2020 lalu. Ia bertujuan membantu usahawan mikro dari segi pendanaan dan sokongan berkaitan selepas perniagaan mereka terjejas akibat pandemik COVID-19. Direka untuk menggerakkan sumbangan kewangan sosial, program ini menawarkan modal permulaan dengan pembiayaan mikro yang berpatutan bagi pemohon yang layak untuk memula dan mengembangkan perniagaan mereka bagi menjana pendapatan berterusan. Sebagai tambahan kepada pembiayaan modal kerja, iTEKAD akan menggunakan dana zakat untuk pembelian peralatan dan kelengkapan yang diperlukan untuk penerima yang layak.

Program iTEKAD juga melibatkan kerjasama rakan-rakan pelaksana terpilih seperti Majlis-Majlis Agama Islam Negeri, agensi kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan. Sebagai institusi kewangan Islam perintis program ini, Bank Islam akan bekerjasama dengan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan ("MAIWP") dan SME Corporation Malaysia ("SME Corp. Malaysia") untuk fasa pertama program ini. Melalui kerjasama ini, penerima akan mendapat latihan keusahawanan dan pengurusan kewangan yang berstruktur bagi memastikan mereka meraih pemahaman, kemahiran dan pengetahuan holistik menguruskan perniagaan yang dimiliki dengan cekap dan mampan.

Program iTEKAD telah dirasmikan oleh YB Senator Datuk Dr Hj Zulkifli Mohamad Al-Bakri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) di Kompleks Islam Putrajaya. Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam, Encik Mohd Muazzam Mohamed; Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia ("BNM"), YBhg Datuk Shaik Abdul Rasheed Abdul Ghaffour; Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia, Encik Noor Azmi Mat Said dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP, Encik Mohd Nizam Yahya.

Di dalam ucapan ringkas pelancarannya, YB Senator Datuk Dr Hj Zulkifli Mohamad Al-Bakri berkata “Islam amat menggalakkan sifat tolong-menolong di antara satu sama lain dan pembiayaan mikro iTEKAD ini merupakan satu wadah untuk membantu para asnaf dan usahawan B40 yang terjejas akibat penularan wabak COVID-19.”

Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam, Encik Mohd Muazzam Mohamed berkata, “COVID-19 telah memberi kesan negatif kepada ekonomi global, termasuk Malaysia. Tekanan ekonomi ini paling dirasai oleh segmen paling mudah terjejas, yang terdiri daripada individu dan perusahaan mikro milik B40. Sebagai sebuah bank yang prihatin dan berhasrat untuk merealisasikan Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (“SDG”), pelaksanaan iTEKAD ini selari dengan nilai-nilai Bank dalam meningkatkan kesejahteraan masyarakat melalui pemeliharaan kekayaan, taraf kehidupan, kemakmuran dan intelek. Program kewangan sosial ini juga sejajar dengan falsafah Pengantaraan Berasaskan Nilai (“VBI”) yang seterusnya memperkukuhkan komitmen Bank Islam membantu perusahaan kecil mendepani kesukaran semasa demi mencapai kesejahteraan yang berterusan.”

Bank Islam memperuntukkan RM5 juta daripada Kemudahan Perusahaan Mikro (“MEF”) Bank Negara Malaysia untuk program ini. Dana tersebut adalah bagi modal kerja atau pembiayaan perbelanjaan modal untuk usahawan mikro B40 dan asnaf terpilih. Sementara itu, pemohon yang menepati kriteria asnaf yang berpandukan peraturan dan prinsip-prinsip Syariah, akan menerima manfaat daripada peruntukan sebanyak RM300,000 dana Zakat Bank Islam.

Butiran program Pembiayaan Mikro iTEKAD adalah seperti berikut:

| No | Ciri-ciri | Butiran |
|----|--------------------|---|
| 1 | Had program | RM5 juta |
| 2 | Jenis pembiayaan | Pembiayaan Perniagaan-i Tawarruq |
| 3 | Kriteria kelayakan | <ul style="list-style-type: none"> a. Memenuhi definisi perusahaan mikro oleh SME Corp. Malaysia b. Perusahaan mikro milik rakyat Malaysia (Warganegara Malaysia yang menetap di negara ini yang memiliki minimum 51% pegangan dalam perniagaan) c. Perusahaan mikro yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (“SSM”) atau badan berkanun bagi penyedia perkhidmatan profesional d. Minimum satu tahun dalam perniagaan e. Pemohon berumur antara 21 hingga 61 tahun pada tarikh permohonan |

| | | |
|-----------|--|--|
| | | f. Menerima pengesahan/persetujuan daripada rakan pelaksana yang diluluskan oleh Bank Islam |
| 4 | Had pembiayaan | Minimum: RM5,000 Maksimum: RM50,000 |
| 5 | Tempoh pembiayaan | Minimum: 1 tahun Maksimum: 5 tahun |
| 6 | Cagaran | Tidak perlu |
| 7 | Pembayaran | Ansuran bulanan |
| 8 | Tempoh maklum balas permohonan | a. Kelulusan dalaman dalam tempoh enam hari bekerja dari tarikh penyerahan dokumen yang lengkap b. Pembayaran dibuat dalam masa empat hari bekerja setelah penerimaan dana MEF dari BNM |
| 9 | Dokumen yang diperlukan untuk permohonan | a. Salinan kad pengenalan b. Maklumat perniagaan (Jenis perniagaan, alamat, pendapatan tahunan, maklumat pemilik perniagaan, bilangan pekerja, dan lain-lain) c. Bukti pendapatan perniagaan (Borang Cukai Pendapatan B, penyata bank enam bulan terakhir, dan lain-lain) d. Bukti operasi perniagaan (Pendaftaran perniagaan, permit perniagaan, dan lain-lain) e. Bil utiliti, dan f. Dokumen lain yang berkaitan |
| 10 | Ketersediaan program | 1 Mei 2020 sehingga had RM5 juta digunakan sepenuhnya |

Encik Mohd Muazzam menambah, "Bank Islam sentiasa percaya bahawa instrumen kewangan Islam yang memberi tumpuan kepada kesejahteraan sosial dapat digunakan untuk menyokong pertumbuhan Malaysia ke arah negara berpendapatan tinggi. Bank Islam telah meletakkan inisiatif Kewangan Sosial sebagai sebahagian daripada Matlamat 2021 kami, dan sedang menyusun strategi pelaksanaannya yang lebih meluas sebelum wabak ini menular. Ketika dunia bergelut dengan kesan ekonomi COVID-19, wabak ini telah mempercepatkan misi kewangan sosial kami kerana keperluan mendesak untuk meneroka kesemua kemungkinan bagi mengurangkan kesannya terhadap kehidupan masyarakat dan ekonomi negara secara keseluruhan. Kami berhasrat untuk mempertingkatkan kehidupan mereka yang memerlukan dengan

mendorong sumber ke arah keberkesanan dan yakin ini dapat dicapai melalui pelaksanaan iTEKAD.

“Kami berterima kasih kepada Bank Negara Malaysia kerana terus mempromosikan agenda kewangan inklusif, memastikan segmen yang kurang menerima khidmat perbankan dan kewangan berkembang dan mengekalkan pendapatan mereka. Usaha ini akhirnya dapat meningkatkan taraf hidup mereka. Skim Pembiayaan Mikro oleh BNM telah memanfaatkan sejumlah besar perusahaan mikro dalam menghadapi landskap perniagaan yang mencabar sejak diperkenalkan pada tahun 2006, dan kini, skim tersebut diperluaskan untuk turut mencakupi program iTEKAD.”

“Kami berbesar hati di atas kepercayaan yang diberikan oleh Kerajaan dan BNM dalam menggerakkan inisiatif kewangan sosial ini. Kami percaya bahawa perbankan bukan hanya untuk menjana keuntungan tetapi juga membantu masyarakat dan pemilik perniagaan meningkatkan kehidupan mereka dan memastikan kelangsungan perniagaan yang dimiliki. Fasa pertama program ini dijangka memberi manfaat kepada 100 penerima menjelang akhir tahun 2020, dan kami berharap jumlah ini akan bertambah di masa akan datang. Sehingga kini, kami telah menerima 14 permohonan, terutamanya daripada pengusaha mikro dalam sektor makanan & minuman, pembuatan dan perkhidmatan di Wilayah Persekutuan. Peserta terpilih akan menjalani latihan di bawah SME Corp. Malaysia mulai bulan Julai 2020,” tambah Encik Mohd Muazzam.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia, Encik Noor Azmi Mat Said berkata, “Kami gembira dengan pengenalan iTEKAD kerana ia dapat memperluaskan sokongan yang diberikan kepada komuniti perniagaan, seterusnya memastikan perusahaan mikro tidak ketinggalan dalam landskap perniagaan yang mencabar sekarang”.

“SME Corp. Malaysia juga berbesar hati menjadi sebahagian daripada inisiatif kewangan sosial ini kerana para peserta dapat memanfaatkan kepakaran dan latihan berkesan kami untuk meningkatkan keupayaan dan pengetahuan demi kepentingan perniagaan mereka.”

Untuk maklumat lebih lanjut mengenai program iTEKAD boleh layari pautan di <https://www.bankislam.com/business-banking/sme-banking/iTEKAD>.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad, ditubuhkan pada 1983 sebagai bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 144 cawangan dan lebih daripada 900 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan

Syariah untuk memenuhi keperluan penganut agama Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila lawati www.bankislam.com atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

| | |
|---|--|
| <p>Wan Norkhairi Wan Samad Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2782 1232 Tel. bimbit: 019-339 4491 Faks: 03-2781 2998 Emel: wnorkhairi@bankislam.com.my Web: www.bankislam.com.</p> | <p>Omar Atin Penolong Timbalan Presiden Perhubungan Awam Komunikasi Korporat Kumpulan BIMB Holdings Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Tel. bimbit: 019-391 9144 Faks: 03-2781 2998 Emel: omar@bimbholdings.com Web: www.bimbholdings.com</p> |
|---|--|